

# Pengurusan masa petua graduan UMS cemerlang

UM 23.11.2015 29

**KOTA KINABALU 22 Nov.** - Tiada petua khusus diumumkan untuk cemerlang tetapi apa yang penting adalah keupayaan menguruskan masa dengan baik.

Demikian kata **Ooi Shen Ching** dari Pulau Pinang yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dengan memperoleh keputusan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.86 sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-17.

Anak muda berusia 24 tahun itu berkata, selain perlu bijak mengatur masa, minat mendalam dalam kursus yang diambil merupakan faktor penting bagi memastikan seseorang mahasiswa melakar kejayaan cemerlang.

Katanya, dia pada mulanya berada dalam dilema sama ada mahu mengikuti bidang mekanikal atau elektrik, namun kesempatan berada dalam bidang industri untuk tempoh enam bulan selepas habis menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membolehkannya membuat keputusan tepat.

"Saya tidak mempunyai petua khusus untuk mencapai kecemerlangan dalam pengajian di UMS. Meskipun kursus yang diambil satu bidang yang berat, minat mendalam dalam bidang mekanikal membuatkan saya mudah untuk menempuhi semua cabaran sepanjang bergelar mahasiswa.

"Bukan perlu menghafal semua formula yang ada, tetapi memahami dengan jelas *flow* untuk sesuatu mata pelajaran dan dalam

masa sama tetap mengutamakan sesi mengulangkaji pelajaran secara berkumpulan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Perkara sama turut dipersetujui oleh rakan baik Shen Ching, **Muaz Abdul Wahab** yang mengambil kursus sama dan pelajar cemerlang apabila memperoleh CGPA 3.67.

Anak kelahiran Kota Kinabalu itu berkata, selain minat mendalam dan melakukan ulangkaji secara berkumpulan, fokus semasa sesi pembelajaran berlangsung merupakan elemen penting yang membolehkannya melakar kecemerlangan.

Menurutnya, perkara tersebut bukan sahaja membolehkannya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, malah merealisasikan impiannya untuk memperoleh pekerjaan dalam bidang mekanikal yang diminati.

"Syukur kepada Tuhan apabila saya berjaya memperoleh kejayaan cemerlang ini. Berkat kerja keras serta banyak meluangkan masa mengulangkaji pelajaran bersama-sama rakan-rakan, impian bergelar mahasiswa cemerlang berjaya dicapai," katanya penuh kesyukuran.

Ditanya perancangan masa hadapan, kedua-dua pelajar cemerlang tersebut menyatakan mahu bekerja terlebih dahulu bagi membantu keluarga, namun tidak menafikan akan menyambung pelajaran ke tahap lebih tinggi pada masa hadapan.



**OOI SHEN CHING** (kiri) dan **Muaz Abdul Wahab** berkongsi kegembiraan selepas muncul pelajar cemerlang Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal sempena Majlis Konvokesyen UMS di Kota Kinabalu, Sabah, semalam.